



فَرِيدَانِيْنَ كَمَا جَوَانًا قَضَاءَ نَكْرِيْ كَلَنْتِيْن
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

KENYATAAN MEDIA
PENGOSONGAN TANAH MILIK PKINK DI LOT PT 79,
SEKSYEN 5, JALAN ATAS PALOH, JAJAHAN KOTA
BHARU, KELANTAN DARUL NAIM.

1. Tanah PT 79, Seksyen 5, Jalan Atas Paloh, Jajahan Kota Bharu, Kelantan Darul Naim adalah hak milik penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Berdasarkan beberapa siri bancian yang dibuat, terdapat penempatan setinggan yang terdiri daripada 53 keluarga telah mendiami dan menyewa premis di tanah tersebut.
2. Hasil perbincangan secara mendalam dan terperinci secara bersama, 52 orang ketua keluarga penduduk setinggan telah bersetuju untuk berpindah dan diberikan keutamaan untuk ditawarkan rumah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Kelochoor, Kota Bharu yang telah siap dibina dan sedia untuk diduduki bagi memberi laluan pembangunan yang akan dijalankan di kawasan tersebut.
3. Sehingga kini, 36 ketua keluarga telah ditawarkan untuk menduduki PPR Jalan Kelochoor, 31 keluarga telah berpindah dari kawasan setinggan tersebut dan 5 keluarga dalam proses perpindahan. Manakala baki 16 keluarga lain sedang dalam peringkat rayuan setelah permohonan pertama gagal kerana tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan untuk menduduki PPR.
4. Sebelum proses pembersihan kawasan dibuat, PKINK telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan penduduk tempatan dan telah mengeluarkan notis pemberitahuan kepada penduduk di kawasan setinggan yang terlibat supaya mengosongkan premis sebelum atau pada 29 Februari 2020 bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan kawasan dibuat. Namun

begitu, berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia pelaksanaan kerja-kerja pembersihan kawasan terpaksa ditangguhkan.

5. Notis pengosongan kali kedua telah dikeluarkan pada 23 Julai 2020 bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan tanah dilakukan bermula 2 September 2020. Sehingga kini PKINK hanya merobohkan 31 premis yang telah dibina tanpa kebenaran setelah mendapat persetujuan bertulis dari penduduk yang terlibat.
6. Kerja-kerja pembersihan kawasan yang dijalankan adalah mengikut garis panduan dan tatacara keselamatan yang ditetapkan setelah mengambil kira nasihat pihak berkuasa tempatan. Penduduk setinggan juga diberi kelonggaran untuk merobohkan sendiri premis mereka sebelum kerja-kerja pembersihan kawasan dilakukan. Aktiviti pembersihan kawasan yang dijalankan juga telah menyelesaikan masalah pencemaran akibat dari sampah sarap dan saluran kumbahan sedia ada yang dibina tanpa kebenaran dan secara tidak sempurna.
7. Sebagai sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, PKINK sedar akan kesulitan yang dialami oleh penduduk yang terlibat. Oleh itu, inisiatif pemberian bayaran *ex gratia* berjumlah RM1,000.00 diberikan kepada ketua keluarga yang bersetuju untuk berpindah dengan bayaran secara berperingkat. Bayaran RM500.00 dibayar sebelum berpindah dan baki RM500.00 dibayar setelah selesai berpindah.
8. Sehubungan dengan itu, PKINK menafikan kenyataan sebagaimana video tular bahawa PKINK telah menzalimi penduduk di kawasan setinggan di kawasan tersebut kerana ruang perbincangan telah dibuka dan peluang berteduh yang diberikan sebelum ini. Semoga Allah S.W.T. merahmati dan memberkati segala usaha-usaha yang kita lakukan demi kesejahteraan Ummah.

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

23 September 2020/ 5 Safar 1442